

# Budaya lambang identiti bangsa

## KEBUDAYAAN

merupakan satu perkara penting yang membentuk sesuatu masyarakat dan membezakannya dengan bangsa-bangsa lain kerana ia memiliki keunikan tersendiri.

Ia bukan hanya melibatkan kesenian seperti tarian atau nyanyian semata-mata tetapi merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan.

Menurut **Pensyarah Kanan Jabatan Sains Kemasyarakatan**



MA'ROF

**dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Ma'rof Rezuan,**

budaya adalah cara hidup sesuatu masyarakat yang terbahagi kepada dua iaitu berbentuk material dan bukan material.

“Budaya yang berbentuk material ialah apa sahaja yang dihasilkan oleh manusia dalam bentuk benda seperti rumah, bangunan dan kereta.

“Bukan material pula ialah seperti cara hidup, peraturan, nilai, akhlak dan bahasa,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Justeru, beliau menegaskan bahawa jika hilang budaya, maka sesuatu masyarakat atau bangsa itu juga akan lenyap.

Sehubungan itu, masing-masing ingin mempertahankan kebudayaan dengan mewariskan kepada generasi seterusnya menerusi proses sosialisasi.

“Dari sudut sosial, manusia dinilai berdasarkan personaliti

dan keunikannya terletak di situ.

“Sebaliknya, budaya akan menjadi lambang atau identiti bangsa itu.

“Sebagai contoh, orang Melayu di Malaysia dan Filipina berbeza kerana mereka mengamalkan budaya berlainan tetapi berkongsi biologi yang sama,” jelasnya.

Tambah Ma'rof, budaya juga berperanan sebagai ejen menyatupadukan masyarakat.

Di negara Barat, mereka menganggap budaya itu sebagai agama dan menjadi panduan kehidupan.